

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa jumlah produk atau lokasi pelancongan yang telah memperolehi *Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA)*, dan sejauh manakah pensijilan ini membantu dalam meningkatkan jumlah kemasukan pelancong ke dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program *Malaysia Tourism Quality Assurance* (MyTQA) mula diperkenalkan pada tahun 2014. MyTQA merupakan inisiatif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) untuk meningkatkan perkhidmatan dan kualiti kemudahan bagi produk-produk pelancongan di Malaysia.

Sehingga kini, sebanyak 47 buah produk pelancongan di Malaysia telah diiktiraf di bawah program MyTQA yang merangkumi beberapa kategori seperti budaya & warisan, alam sekitar & pengembaraan, buatan manusia, sukan & rekreasi, membeli-belah, pelayaran, pulau & pantai, taman, pertanian dan taman tema.

Justeru, setiap produk pelancongan yang memperolehi MyTQA telah berada dalam keadaan bersedia dari segi penawaran perkhidmatan yang berkualiti, kebersihan dan mematuhi aspek keselamatan. Selain daripada itu, staf dan kakitangan yang dilantik juga diberi latihan yang akan membantu dalam meningkatkan jumlah kemasukan pelancong dan berpengetahuan luas terhadap produk yang ditawarkan di samping mempunyai sikap mesra pelancong. Produk pelancongan yang mendapat pensijilan MyTQA diberi keutamaan untuk turut serta dalam aktiviti promosi bersama pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.